

# **FAKTOR KEJAYAAN DAN KELEMAHAN AKADEMIK GENDER DALAM PEPERIKSAAN AWAM DI MALAYSIA MELALUI KAEDAH PEDAGOGI HERMENEUTIK**

**SUPPIAH NACHIAPPAN, HARI KRISHNAN ANDI,  
VELAYUDHAN P. K. VEERAN DAN FATIMAH ZULKAFALY**  
*Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## **Abstrak**

Isu gender hangat diperkatakan dalam membandingkan pelajar lelaki perempuan berdasarkan peperiksaan-peperiksaan awam yang dijalankan di Malaysia seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan daripada 90 orang pelajar (sampel kajian) tingkatan 4 dari tiga buah sekolah menengah. Sampel kajian ini telah dianalisis menggunakan Kaedah Pedagogi Hermeneutik yang dapat menganalisis karangan pelajar untuk mendapatkan pandangan mereka tentang faktor-faktor kejayaan pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan hampir kesemua pelajar yang menjawab soalan (dalam bentuk karangan) bersetuju bahawa pelajar perempuan lebih berjaya dalam peperiksaan awam berbanding lelaki. Mereka juga turut merumuskan faktor-faktor kegagalan pelajar lelaki dan cara-cara mengatasinya melalui sampel kajian tersebut.

## **PENGENALAN**

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), gender bermaksud jantina atau golongan jenis kata dalam tatabahasa sesuatu bahasa seperti maskulin, feminin dan neuter.

Peranan gender dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor pendidikan dan ekonomi. Gender juga dipengaruhi oleh sistem dan norma masyarakat dan juga persekitaran di mana seseorang tinggal. Menurut Lahey (2009), kita tidak boleh mengandaikan individu yang tidak menguasai kemahiran dalam membaca dan mengeja atas asas gender.

Gender merupakan pandangan masyarakat tentang perbezaan peranan, fungsi dan tanggungjawab di antara lelaki dan perempuan dalam sesuatu institusi sosial sama seperti ras, etnik dan kelas. Gender merupakan suatu kategori sosial yang sentiasa menentukan perjuangan hidup individu dalam struktur masyarakat dan ekonomi. Menurut Lloyd dan Duveen (1992: 78): Identiti gender adalah suatu fenomena kognitif dan perkembangannya dilihat daripada dapatan kemunculan kapasiti kognitif yang kompleks sejak melalui zaman kanak-kanak lagi" (1992:78).

Peranan gender adalah harapan sosial yang menerangkan bagaimana lelaki dan perempuan perlu berasa, berfikir dan bertindak. Terdapat beberapa pandangan tentang perkembangan gender. Sesetengah penyelidik menekankan faktor-faktor pada tingkah laku lelaki dan perempuan, Manakala ada penyelidik lain mengutamakan faktor sosial atau kognitif dalam perbincangan mereka.

## **GENDER DAN PERMASALAHAN AKADEMIK**

Perbincangan gender adalah berkaitan dengan perbincangan peranan individu berdasarkan jantina. Namun begitu, perbincangan berkaitan isu gender perlulah diperluaskan agar perbincangan mengenai isu ini tidaklah terlalu sempit hingga mempengaruhi tanggapan masyarakat. Perbezaan antara gender sebenarnya bukanlah suatu perkara yang serius yang perlu dibincangkan dalam masyarakat. Seinggalah wujudnya ketidaksamaan dalam amalan hidup sosial.

Pada masa kini, wujud jurang perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam pencapaian keputusan peperiksaan awam di Malaysia. Pelajar perempuan memperoleh gred terbaik berbanding pelajar lelaki. Tetapi, ada juga pandangan yang mengatakan pelajar lelaki memiliki keputusan cemerlang dalam subjek tertentu lebih baik berbanding pelajar perempuan.

Pandangan daripada pakar menyatakan bahawa kanak-kanak perempuan mula bercakap lebih awal daripada kanak-kanak lelaki. Perempuan membaca lebih awal dan terus banyak membaca. Kanak-kanak perempuan mengembangkan kemahiran-kemahiran motor yang halus dan lebih berpotensi dan bersedia untuk memulakan sesi persekolahan. Mereka bergerak ke arah peningkatan dan mempunyai sikap yang positif dalam aspek pembelajaran. Apabila belajar, mereka memberi tumpuan terhadap tugas atau pelajaran. Mereka lebih baik dalam mengulangkaji dan berkeyakinan dalam menyelesaikan tugas dengan baik di sekolah berbanding pelajar lelaki.

Dalam pada itu, pelajar lelaki pula berorientasikan aksi, tidak sabar, berimajinasi (berangan-angan), gentar menghadapi risiko. Mereka mengembangkan kemahiran-

kemahiran motor yang halus lewat daripada pelajar perempuan. Tenaga mereka lebih ke arah bertingkah laku agresif atau pasif dan kurang berkeyakinan. Selain itu, suasana sekolah secara tidak langsung mempunyai faktor sosial yang negatif pada remaja seperti keganasan, melibatkan diri dalam kumpulan delinkuen dan mencari keseronokan di sebalik tindakan mereka.

Isu gender dalam pendidikan merupakan suatu isu yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya di Malaysia, khususnya. Kajian-kajian telah dilakukan menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan berkeupayaan dalam subjek tertentu. Pelajar lelaki memang pandai dan mudah memahami subjek Matematik dan perempuan lebih cenderung dalam mata pelajaran bahasa. Menurut Eisenberg, Martin dan Fabes (1996), dalam beberapa dapatan pelajar lelaki berprestasi baik dalam Matematik daripada pelajar perempuan. Linn dan Hyde (1989) pula berpendapat, mengikut konteks tertentu pelajar lelaki lebih baik dalam prestasi pengukuran, Sains dan sukan. Pelajar perempuan pula lebih berjaya dalam subjek-subjek seperti masakan dan jahitan.

Bukan semua kajian yang terbaru menunjukkan perbezaan di antara gender yang ketara. Sebagai contoh, kajian kebangsaan yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan tiada perbezaan di dalam prestasi Matematik di antara pelajar lelaki dan perempuan di dalam peperiksaan tahap-tahap keempat, kelapan dan kedua belas (Coley, 2001). Jadi, tidak boleh dianggap kesemua pelajar lelaki menunjukkan prestasi yang baik dalam Matematik daripada pelajar perempuan, secara keseluruhannya. Kebanyakan pakar gender percaya wujudnya perbezaan gender di dalam prestasi subjek-subjek Matematik dan Sains adalah kerana pengalaman yang dimiliki oleh mereka. Pelajar lelaki mengambil lebih banyak kursus Matematik dan Sains daripada pelajar perempuan. Sebagai contoh, menurut Coley (2001) lagi, pelajar lelaki mengambil lebih banyak kursus yang berkaitan subjek-subjek Sains Komputer dan Fizik.

Dalam bidang akademik, walaupun terdapat perbezaan yang ketara dalam beberapa aspek, namun secara keseluruhan pelajar perempuan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berbanding pelajar lelaki. Menurut DeZolt dan Hull (2001), pada tahun-tahun 1950-an, terdapat 60 peratus lelaki belajar di dalam kolej-kolej berbanding pelajar perempuan, berbanding 45 peratus pada era sekarang.

Kajian ini bertujuan menyelidik isu gender dalam pendidikan yang mendasari faktor kejayaan dan kelemahan pelajar lelaki dan perempuan dalam peperiksaan awam di Malaysia, seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pelajar tingkatan 4 diarah untuk menjawab soalan dalam bentuk karangan untuk

memperoleh pendapat mereka. Sebanyak 90 buah sampel dikutip daripada tiga buah sekolah menengah harian, iaitu SMK Mergong, Alor Setar, SMK Sultan Ismail, Johor Bahru dan SMK Zainab (2), Kota Bharu. Analisis dijalankan dengan menggunakan Kaedah Pedagogi Hermeneutik yang berbentuk interpretatif teks karangan pelajar tersebut yang berdasarkan beberapa soalan yang khusus seperti berikut:

- i) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kecemerlangan akademik pelajar lelaki?
- ii) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kecemerlangan akademik pelajar perempuan?
- iii) Apakah saranan yang dikemukakan oleh pelajar untuk memperbaiki kemerosotan pencapaian akademik pelajar lelaki?
- iv) Apakah saranan yang dikemukakan oleh pelajar untuk memperbaiki kemerosotan pencapaian akademik pelajar perempuan?

Saranan pelajar adalah penting dalam menilai keberkesanan persepsi pelajar yang agak matang kerana sampel pelajar adalah terdiri daripada pelajar aliran Sains di tingkatan 4 di tiga buah sekolah menengah tersebut. Kematangan fikiran dan daya ketajaman menganalisis idea-idea pelajar diambil kira sepenuhnya untuk dibuat interpretasi dengan menggunakan Kaedah Pedagogi Hermeneutik.

## **TEORI DAN PRAKTIS KAEDAH HERMENEUTIK**

Menurut Weinsheimer (1991), Hermeneutik bermaksud teori praktis bagi interpretasi yang tidak ada hadnya, iaitu yang boleh didalami sejauh mungkin oleh pengkajinya. Antara dapatan kajian yang menggunakan kaedah Hermeneutik adalah seperti interaksi antara suami-isteri atau pasangan (Love, 1994), interaksi di antara guru-murid (Loganathan, 1992; Abdul Rahman Abu Bakar, 1993; dan Mangaleswaran, 1999), interaksi di antara kaunselor-klien (Gumbang, 1998) dan hasil karya/penulisan esei (Suppiah, 1997, Md. Salleh Yaapar, 1995;2002). Gadamer (1989) menerangkan proses interpretasi suatu teks adalah sebagai *'the fusion of one's own horizon with the horizon of the text'*.

Penulisan idea pelajar dalam karangan memerlukan pemikiran yang mendalam untuk mencungkil idea-idea untuk menulis karangan. Pelajar yang mengalami dan menghayati proses pengalaman hidup, baik di sekolah secara langsung ataupun di rumah secara tidak langsung memberi impak kepada kupasan idea semasa pelajar menulis. Pelajar berjaya mengupas pengalaman hidup melalui pemprosesan informasi yang telah disimpan dalam memori jangka panjang (tahap bawah sedar).

Faktor-faktor kejayaan pelajar lelaki dan perempuan di dalam peperiksaan awam di Malaysia dapat diketengahkan. Walaupun pelbagai kajian dan analisis dibuat berdasarkan metodologi kuantitatif dan kualitatif, namun kajian yang bersandar pada analisis teks karangan daripada perspektif pelajar jarang dijumpai. Oleh itu, kajian ini dianggap penting untuk mengkaji perspektif dan pandangan pelajar melalui teks karangan yang seharusnya diinterpretasi dengan jitu, padat dan menyeluruh.

Karangan pelajar memaparkan pendapat dan pandangannya dengan cara dan teknik terbaik dalam mengejar kecemerlangan akademik, khususnya dalam peperiksaan awam. Ini kerana pelajar menulis saranan untuk memperbaiki kesilapan dan kegagalan pelajar lelaki dan perempuan Melayu dari segi akademik, seterusnya, mencadangkan beberapa langkah untuk memperbaikinya.

## **FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN PELAJAR PEREMPUAN**

Berdasarkan analisis karangan, majoriti berpendapat pelajar perempuan lebih cemerlang dalam peperiksaan awam berbanding pelajar lelaki. Terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah kejayaan pelajar perempuan. Berikut dianalisis faktor kejayaan pelajar perempuan daripada ketiga-tiga sekolah tersebut.

Faktor yang menyumbangkan ke arah kejayaan pelajar perempuan dalam peperiksaan awam di Malaysia secara terperinci adalah berdasarkan empat kriteria, iaitu sikap, kerjaya, rasional dan bakat. Jadual 1 menunjukkan secara terperinci.

**Jadual 1:** Faktor-Faktor Kejayaan Pelajar Perempuan

<b>Kategori 1: SMK Sultan Ismail, Johor Bahru</b>
<b>Sikap</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- sifat semula jadi pelajar perempuan itu sendiri</li><li>- lebih rajin daripada pelajar lelaki</li><li>- sering mematuhi arahan gurunya</li><li>- mudah dilentur oleh ibu bapa</li><li>- jarang sekali dilihat keluar melepak pada waktu malam</li><li>- tidak berasa malu untuk mengajukan soalan di dalam kelas</li><li>- mereka tidak mahu dipandang rendah atau dimalukan</li><li>- sentiasa merebut peluang atau menyahut cabaran</li><li>- mempunyai cita-cita yang tinggi</li><li>- bersungguh-sungguh mengejar cita-cita mereka</li></ul>

- sering belajar daripada kesilapan
- mereka mempunyai disiplin diri yang baik
- sikap emosi pelajar perempuan boleh dijadikan pemangkin untuk belajar
- perasaan sensitif mereka membuatkan mereka belajar daripada kesilapan lalu
- mereka berusaha sedaya-upaya untuk memahami pelajaran
- sentiasa berfikiran positif
- tahu menguruskan masa dan dapat menyeimbangi masa
- didapati tidak mudah putus asa
- sikap daya saing di antara kaum sejenis yang kuat
- sentiasa ingin menjaga nama baik mereka

#### **Kerjaya**

- telah didedahkan agar tidak bergantung pada kaum lelaki
- mereka tahu mereka harus bersaing dengan lelaki di dalam memilih kerjaya
- sentiasa memikir kehidupan masa hadapan yang mewah dan senang-lenang

#### **Rasional**

- mereka tahu membezakan di antara perkara yang baik dan yang tidak baik
- bijak mengatur strategi-strategi dalam pelajaran
- berfikiran terbuka
- bilangan pelajar perempuan berlebihan menyebabkan bersikap daya saing
- lebih matang berbanding pelajar lelaki

#### **Bakat**

- sering mewakili sekolah dalam pertandingan di peringkat daerah dan negeri

#### **Kategori 2: SMK Mergong, Alor Setar**

##### **Sikap**

- menumpukan sepenuhnya perhatian semasa belajar
- kegigihan dan ketekunan oleh pelajar perempuan
- tidak tahu erti letih dan tidak mudah putus asa dalam pembelajaran
- kurang berminat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sukan
- menarik minat mereka untuk lebih menumpukan pada pelajaran
- bersikap rajin, mahu berusaha dan inginkan kejayaan lebih maju
- memiliki semangat dan keazaman yang tinggi
- inginkan kejayaan lebih maju
- sifat seorang wanita ialah rajin
- berusaha dengan bersungguh-sungguh
- mempunyai semangat azam yang tinggi untuk berjaya

- usaha diri sendiri
- tidak lagi mengambil mudah
- rajin belajar, sering mengulangi pelajaran, tidak membuang masa
- pelajar perempuan bijak membahagikan masa dengan membuat jadual belajar
- usaha dan tahap kesedaran seseorang pelajar perempuan yang tinggi
- lebih sensitif kepada persekitaran dan peribadi mereka
- bijak dalam membahagikan masa
- lebih cepat memfokus ke arah sesuatu
- lebih rajin membaca
- sering bertanya di dalam kelas
- semangat yang tinggi untuk belajar
- lebih tekun belajar
- lebih rajin
- giat berusaha mencapai kejayaan
- tidak suka membuang masa
- sifat semula jadi
- menumpukan perhatian ketika belajar
- sedar tentang kepentingan pelajaran
- sifat-sifat semulajadi
- suka bersaing
- lebih dipengaruhi oleh sifat malu
- perempuan lebih berusaha berbanding lelaki
- tidak suka dikongkong
- tidak mudah mengalah
- bertanya kepada guru-guru
- lebih yakin ketika menjawab kertas peperiksaan
- melakukan ulangkaji dan juga rajin melakukan ulangkaji secara berkumpulan
- lebih berdisiplin
- memiliki sifat-sifat yang terpuji
- berjiwa lemah-lembut dan sopan
- sifat kerajinan
- lebih teratur cara perlakuan

**Kerjaya**

- pandai membuat keputusan dan menilai yang positif ke arah memajukan diri
- mengambil tuisyen di luar

- lebih memikirkan tentang masa hadapan
- berusaha sehingga berjaya
- mengambil kelas-kelas tuisyen di luar

**Rasional**

- wanita yang berjaya seperti Dato Seri Rafidah Aziz menjadi idola
- perancangan masa yang bijak
- lebih bijak dalam membahagikan masa untuk belajar dan lain-lain aktiviti
- gemar mengulangkaji pelajaran secara berkumpulan
- pemikiran yang positif ke arah memajukan diri sendiri
- sering mendapat perhatian daripada ibu bapa
- lebih mudah dididik dan dimotivasikan
- pemikiran yang lebih matang
- pemikiran rasional dan positif
- mempunyai jadual waktu harian
- membeli buku nota tambahan untuk dikaji dan difahami
- membuat ulangkaji
- membuat persediaan awal
- lebih banyak menghabiskan masa berada di dalam rumah
- mempunyai jadual masa yang telah ditetapkan
- mementingkan pelajaran
- akan berusaha sedikit demi sedikit
- mengulangkaji pelajaran lebih awal
- tidak terlalu terdedah dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah
- lebih terbuka mindanya menerima pelajaran
- memberi tumpuan sepenuhnya di dalam kelas
- lebih berusaha
- memperbaiki kelemahan
- lebih memberi tumpuan sepenuhnya menjawab peperiksaan
- mengulangkaji pelajaran di rumah
- berfikiran jauh
- lebih agresif dan proaktif

**Bakat**

- pergaulan di antara mereka juga akan lebih rapat
- mendorong menghadiri program-program peningkatan diri dalam pelajaran
- faktor kematangan

**Bakat**

- pergaulan di antara mereka juga akan lebih rapat
- mendorong menghadiri program-program peningkatan diri dalam pelajaran
- faktor kematangan

**Kategori 3: SMK Zainab (2), Kota Bharu**

**Sikap**

- lebih suka untuk belajar
- lebih rajin mengulangkaji pelajaran
- tidak segan untuk bertanya kepada guru
- mempunyai motivasi yang tinggi
- bersungguh-sungguh
- lebih rajin, pandai berdikari dan sebagainya
- lebih mengasihani ibu bapa mereka
- lebih kuat berusaha
- lebih menumpukan perhatian ketika belajar
- bijak menggunakan masa yang ada, rajin, pandai berdikari
- sikap ingin berjaya
- sikap yang sopan, rajin, pemalu
- sikap yang rajin dan tidak pernah berputus asa
- mendapat bimbingan yang padu sama ada daripada ibu bapa atau tuisyen
- lebih fokus ketika belajar
- duduk di barisan hadapan
- lebih matang
- diterapkan dengan sikap rajin sejak dari kecil
- jiwa mereka sensitif
- lebih mengambil berat akan pelajaran
- mementingkan pelajaran dan menghormati guru
- lebih berusaha dan berminat
- lebih kuat berusaha
- menumpukan sepenuh perhatian
- lebih berdisiplin
- lebih rapat dan mesra dengan guru-guru
- kerap mengajukan soalan-soalan

**Kerjaya**

- berusaha untuk memenuhi hasrat ibu bapa mereka
- mereka berupaya mengetepikan unsur jantina untuk berjaya
- mengambil inisiatif menghadiri kelas tuisyen dan kelas tambahan

**Rasional**

- lebih pandai membahagikan masa
- bilangan perempuan pada zaman ini adalah lebih daripada lelaki
- lebih bersemangat untuk memajukan diri
- memikirkan tentang masa depan
- mempunyai wawasan untuk berjaya
- bijak menguruskan masa
- sanggup korbankan apa saja
- sentiasa awal
- serius dalam pembelajaran
- belajar lebih teratur
- fokus dalam pembelajaran
- lebih cepat matang
- bijak menggunakan peluang
- menggunakan masa sebaik mungkin

**Bakat**

- berusaha untuk mengubah persepsi kaum Adam
- suka bersaing sesama sendiri

**Faktor-Faktor Kejayaan Pelajar Lelaki**

Terdapat juga beberapa faktor yang menyumbang ke arah kejayaan pelajar lelaki. Berikut dianalisis faktor kejayaan pelajar lelaki daripada ketiga-tiga sekolah tersebut. Jadual 2 menunjukkan beberapa faktor yang menyumbangkan kejayaan pelajar lelaki di dalam peperiksaan awam di Malaysia seperti berikut:

**Jadual 2:** Faktor-Faktor Kejayaan Pelajar Lelaki

**Kategori 1: SMK Sultan Ismail, Johor Bahru**

- pelajar lelaki lebih tekun dan lebih rajin daripada pelajar perempuan
- mempunyai motivasi diri yang tinggi
- tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh rakan sebaya mereka
- sedar betapa pentingnya untuk berdikari
- mempunyai ingatan yang kuat

**Kategori 2: SMK Mergong, Alor Setar**

- tiada

**Kategori 3: SMK Zainab (2), Kota Bharu**

- tiada

**Faktor-Faktor Kegagalan Pelajar Perempuan**

Tidak terdapat faktor yang ketara menyumbang ke arah kegagalan pelajar perempuan. Berikut dianalisis faktor kegagalan pelajar perempuan daripada ketiga-tiga sekolah kajian tersebut.

Jadual 3 menunjukkan beberapa faktor yang menyumbangkan kegagalan pelajar perempuan dalam peperiksaan awam di Malaysia.

**Jadual 3:** Faktor-Faktor Kegagalan Pelajar Perempuan

**Kategori 1: SMK Sultan Ismail, Johor Bahru**

- terdapat pelajar perempuan yang masih tidak matang
- tidak pandai menjaga diri
- mudah terpengaruh ke arah gejala-gejala yang tidak sihat
- masih mentah membezakan di antara perkara berfaedah atau tidak berfaedah
- cenderung berbual dalam kelas atau semasa mengulangkaji dalam kumpulan
- cenderung mengetahui/ berbincang isu yang tidak kaitan dengan pelajaran
- sering berusaha untuk mengetahui gosip-gosip terkini tentang artis
- pemikiran ibu bapa yang anak tak perlu belajar hingga tahap lebih tinggi
- keluarga yang berpendapatan rendah
- berusaha untuk hantar anak lelaki ke sekolah daripada anak perempuan

**Kategori 2: SMK Mergong, Alor Setar**

- tiada

**Kategori 3: SMK Zainab (2) Kota Bharu**

- tiada

**Faktor-Faktor Kegagalan Pelajar Lelaki**

Banyak faktor menyumbangkan kegagalan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Berikut dianalisis faktor kegagalan pelajar lelaki daripada ketiga-tiga sekolah tersebut. Kebanyakan faktor menjurus kepada sikap lelaki yang tidak berfokus dalam pelajaran dan mementingkan perkara remeh di peringkat remaja.

Jadual 4 menunjukkan faktor-faktor yang menyumbangkan kegagalan pelajar lelaki dalam peperiksaan awam di Malaysia.

**Jadual 4:** Faktor-Faktor Kegagalan Pelajar Lelaki

**Kategori 1: SMK Sultan Ismail, Johor Bahru**

- sangat mudah terdedah dan terpengaruh dengan perkara yang tidak sihat
- kebanyakan masa dihabiskan oleh kaum lelaki adalah bersama kawan-kawan
- mencari sesuatu yang baru untuk dicuba bersama kawan-kawan
- akan bosan berada di rumah untuk mengulangkaji pelajaran
- ibu bapa percaya sepenuhnya kepada anak lelaki (anggapan itu silap)
- menganggap mereka tidak perlu dikawal kerana mampu berdikari
- mudah termakan pujukan yang mengajak melakukan perkara yang negatif
- kurang berdisiplin
- tidak mementingkan masa depan
- habiskan masa dengan melakukan perkara yang tidak mendatangkan faedah
- sikap malas
- paksaan dan desakan daripada ibu bapa dan guru-guru
- lelaki memang tidak suka didesak untuk melakukan sesuatu perkara
- sikap lebih suka berdikari daripada belajar bersungguh-sungguh
- mereka lebih berminat bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri
- mereka tidak menumpukan perhatian terhadap perkara yang diajar di hadapan
- berfikir tentang perkara yang akan dilakukan selepas tamat sesi persekolahan
- menganggap peperiksaan adalah suatu perkara yang mudah
- tidak memandang tinggi tentang pelajaran
- pelajar lelaki memiliki sifat ego yang tinggi
- tidak ramai pelajar lelaki yang tampil untuk bertanya
- malu untuk mengaku kesalahan yang telah dilakukan semasa mengajar
- malas mengulangkaji pelajaran
- suka tidur di dalam kelas
- tidak menumpukan sepenuh perhatian
- seolah-olah tidak berminat ke arah pelajaran
- selalu ponteng kelas
- cepat putus asa dan tidak mencuba memperbaiki diri dalam penimbaan ilmu
- tidak berdisiplin di dalam kelas mahupun di dalam sekolah
- melawan cakap guru
- banyak melakukan vandalisme
- tidak mementingkan masa depan
- hidup mereka adalah untuk berfoya-foya

**Kategori 2: SMK Mergong, Alor Setar**

- menghabiskan masa dengan menganggur
- sikap malas, kurang rajin, endah tak endah wujud dalam diri
- suka berfoya-foya dan berhibur tanpa memikirkan pelajaran
- tidak mengambil berat
- membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah
- lelaki yang lebih agresif tidak cenderung untuk berusaha menuntut ilmu
- ingin hidup bebas
- persekitaran yang kurang selesa
- cara pembelajaran yang membosankan mempengaruhi tumpuan pelajar
- bersuka-ria
- meniru kerja rumah
- tidak mengulang kaji pelajaran sebelum peperiksaan
- lelaki akan cepat berasa bosan
- lebih suka kepada kerja-kerja berat
- bilangan wanita lebih berbanding lelaki
- cara pengajaran guru-guru
- kurang memberi tumpuan
- memberi tumpuan yang sekejap
- kegiatan sosial seperti merokok, ponteng kelas, ponteng sekolah
- kurang persaingan dalam menghadapi peperiksaan
- suka membuang masa
- masalah disiplin
- suka ponteng sekolah
- tidak suka dikongkong atau duduk terperuk dalam kelas
- menghabiskan masa dengan bersukan
- suka menangguh-nangguh kerja
- terbabit dalam gejala sosial
- aktif bersukan
- tidak suka mengulangkaji
- tidak memberi tumpuan ketika guru sedang mengajar
- berasa letih
- lebih suka hiburan
- kurang berminat untuk belajar
- suka merayau atau duduk melepak

- terlalu ego dan susah dibentuk
- tidak mahu berfikir
- tidak perlu berusaha kerana harta
- leka dengan bermain
- sibuk melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah
- mereka berputus asa
- sifat yang malas
- keletihan kerana banyak bermain
- kurang berusaha berbanding dahulu
- suka hiburan
- sikap keegoan lelaki
- sikap putus asa
- kelalaian pelajar lelaki itu sendiri
- kelemahan pelajar perempuan dipandang rendah oleh lelaki (sikap lelaki)
- kelalaian ibu bapa dalam hal mendidik anak-anak
- sifat ibu bapa yang sering bergaduh
- tidak mementingkan kesihatan
- tertarik kepada perkara-perkara di luar kelas
- tidak dapat melupakan masalah yang dihadapi di rumah
- kurang serius dan menganggap peperiksaan adalah perkara biasa
- sikap malas serta ego kaum lelaki
- tidak tekun dalam pelajaran
- tidak tahu menggunakan anugerah Allah
- cenderung melakukan perbuatan yang sia-sia
- lebih rajin dalam melakukan aktiviti yang tidak berfaedah
- mengabaikan tugas-tugas yang penting

**Kategori 3: SMK Zainab (2), Kota Bharu**

- lebih aktif dalam bidang kokurikulum
- keinginannya untuk bercinta
- hanya tahu bersukan dan menyertai kegiatan sosial
- malu untuk bertanya kerana mereka berasa takut dan dimalukan
- mudah berpuas hati dalam apa saja pencapaian
- melakukan kerja-kerja yang merugikan masa
- mudah terjebak dengan gejala gejala sosial
- lebih suka bermain

- suka mengambil mudah hal pembelajaran
- ibu bapa di Malaysia mementingkan anak perempuan berbanding anak lelaki
- mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah
- gemar bersuka ria atau berseronok
- sikap sambilewa
- lebih bermasalah terutama dalam disiplin sekolah
- terpedaya dengan gejala-gejala yang tidak sihat
- suka berfoya-foya
- lebih kepada aktiviti sosial
- menyumbangkan kebijaksanaan mereka ke arah yang salah
- pergaduhan antara ibu bapa
- tidak pandai menguruskan atau membahagikan masa
- terlalu leka menghabiskan masa mereka dengan bersukan dan berhibur
- tidak serius
- lebih gemar dengan aktiviti lasak
- sifat ambil mudah
- lebih gemar membuat aktiviti yang diminati
- menganggap bahawa pendidikan tidak penting
- leka dan tidak menyedari kelebihan
- kurangnya minat
- kurang memberi perhatian
- tidak mementingkan akademik
- suka membuang masa
- memandang remeh terhadap peperiksaan
- sikap pelajar
- mudah terpengaruh dengan budaya barat dan hasutan kawan
- suka bermain-main dan berseronok
- tidak memikirkan masa depan
- sifat malas atau leka kaum Adam
- tidak memberi perhatian semasa guru mengajar
- tidak pernah menanam semangat untuk bersaing
- lebih aktif bersukan
- ambil mudah dalam soal akademik
- terpesong dari jalan yang sebenar
- media massa

- tidak mahu menunjukkan kepintaran mereka
- dipaksa oleh ibu bapa
- malas untuk meneruskan pelajaran
- kurang berminat terhadap pembelajaran
- kurang prihatin terhadap kehidupan
- lebih bergaul bebas
- lebih suka bermain dan berbual

### **FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG MEMPENGARUHI KEGAGALAN PELAJAR LELAKI ATAU PELAJAR PEREMPUAN**

Pendapat pelajar yang dianalisis daripada karangan didapati wujud faktor-faktor lain yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan, tidak kira pelajar lelaki atau perempuan. Antara faktor tersebut ialah sahsiah diri pelajar. Mereka harus mempunyai semangat motivasi yang tinggi secara intrinsik untuk berjaya dan perasaan ingin mendapat keputusan yang cemerlang dalam setiap peperiksaan yang diduduki. Jika mereka mempunyai motivasi intrinsik untuk mendapat keputusan cemerlang, sudah tentu akan berusaha ke arah itu. Jadi, kecemerlangan pelajar bergantung pada kehendak pelajar yang mahu mencapai keputusan terbaik dalam setiap peperiksaan yang diduduki. Faktor motivasi tidak akan lahir secara semula jadi pada setiap individu. Pelajar bermotivasi apabila membuat keputusan untuk mencapai sesuatu secara serius. Jika ingin hidup dengan memegang jawatan yang baik kelak, maka sudah tentu dorongan dalaman akan membantu menggerakkan pelajar untuk mencapai hasrat tersebut.

Faktor latar belakang keluarga yang bermasalah boleh mengakibatkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran secara serius. Keluarga yang bermasalah adalah seperti penceraian ibu bapa. Pelajar tidak mendapat kasih sayang daripada kedua-dua ibu bapa sepenuhnya. Mereka asyik akan memikirkan kepincangan yang telah berlaku dalam keluarga sehingga tidak dapat memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran. Masalah keluarga melahirkan gangguan pemikiran dan mental sehingga meninggalkan kesan yang berpanjangan dalam pelajaran, khususnya. Pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dalam belasan tahun ini boleh memikirkan aspek-aspek konkrit dengan jelas. Mereka boleh membezakan di antara yang baik dan yang buruk. Mereka boleh memikir dan membuat keputusan terhadap masa depan mereka pada usia belasan tahun. Penceraian di antara ibu bapa dan kesibukan ibu bapa boleh menyebabkan pelajar tidak dikawal atau tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya. Mereka yang mempunyai masalah di dalam keluarga akan berasa tertekan. Tekanan

yang diterima akan menyebabkan mereka bersikap sambalewa di dalam pelajaran. Tiada kawalan daripada ibu bapa menyebabkan mereka berani mengabaikan pelajaran dan sekali gus terjerumus dalam aktiviti negatif bersama-sama dengan rakan sebaya. Jadi, masalah kepincangan keluarga boleh menggugat ketenteraman jiwa secara psikologi. Keadaan ini akan meninggalkan kesan mendalam dalam kalangan pelajar belasan tahun. Justeru, mereka tidak dapat meneruskan usaha untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Ibu bapa yang sentiasa sibuk bekerja siang dan malam tanpa menghiraukan anak-anak dari segi pelajaran akan mengundang kegagalan dalam peperiksaan. Pada zaman ini ibu bapa sibuk mencari pendapatan lebih untuk menampung kos hidup yang berlipat ganda. Hal ini menyebabkan mereka kurang memberi perhatian terhadap pelajaran anak. Pendapatan keluarga yang rendah tidak akan membantu meringankan beban kewangan keluarga. Oleh itu, ibu bapa terpaksa bekerja untuk mencari pendapatan yang secukupnya.

Pada hakikatnya, pendapatan keluarga adalah penting untuk membiayai perbelanjaan persekolahan kepada anak dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti kelas tuisyen, menyediakan buku akademik tambahan dan sebagainya. Pelajar daripada keluarga yang berpendapatan tinggi akan mempunyai kelebihan mendapatkan kelas tambahan daripada guru yang berpengalaman. Pendapatan keluarga yang tinggi juga menjamin mereka mendapat kemudahan pelajaran yang sempurna, seperti, penggunaan komputer di rumah dan bahan rujukan tambahan untuk mengulangkaji pelajaran.

Latar belakang keluarga yang berpendapatan tinggi (golongan kaya) juga boleh menyebabkan sesetengah pelajar tidak cemerlang dalam pelajaran. Pelajar dalam kategori ini menganggap keluarga mereka jauh lebih baik dari segi kewangan tidak perlu lagi berusaha bersungguh-sungguh dari segi pelajaran untuk menempah kejayaan. Tetapi, bagi pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah, mereka akan sentiasa merasakan diri mereka berada dalam keadaan yang berkurangan. Ada juga sesetengah pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran, malah telah bekerja untuk menampung pendapatan keluarga. Keadaan ini sekali lagi menjadikan mereka tertekan dan sekali gus mengabaikan pelajaran.

Pengaruh rakan sebaya juga boleh mendorong pelajar mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Rakan sebaya yang baik akan mendorong pelajar untuk menjaga prestasi pembelajaran mereka. Rakan sebaya yang tidak baik boleh mempengaruhi pelajar menjadi malas dan yang lebih memburukkan keadaan lagi

terdapat rakan sebaya yang dapat mempengaruhi pelajar untuk melanggar peraturan sekolah atau melakukan kes jenayah di luar waktu persekolahan. Sebagai contoh, kebanyakan pelajar lelaki belasan tahun merokok atas faktor pengaruh rakan sebaya. Selain itu, mereka juga terlibat dalam kes kecurian, pergaduhan, lumba haram dan sebagainya.

Didikan daripada ibu bapa sangat penting untuk menentukan kejayaan pelajar di dalam pelajaran. Pelajar yang diberi didikan yang baik dan sempurna sentiasa menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam pembelajaran. Ajaran agama yang kuat juga dapat menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah. Keimanan di dalam diri yang kuat dapat mempengaruhi pelajar agar sentiasa tenang dalam menghadapi tekanan semasa belajar.

### **CARA-CARA MENGATASI MASALAH KEGAGALAN PELAJAR MELAYU DALAM PEMBELAJARAN**

Pelbagai langkah seperti yang dicadangkan oleh pelajar dalam karangan yang boleh diteliti sebagai rumusan penyelesaian masalah kegagalan pelajar dalam pembelajaran. Banyak pihak seharusnya memainkan peranan untuk meningkatkan prestasi pelajar. Antaranya ialah sikap pelajar itu sendiri. Pada asasnya, sekiranya seseorang pelajar membuat keputusan secara intrinsik (dalaman) untuk berjaya dalam hidup, maka sudah tentu pelajar akan mengambil langkah untuk mencapai hasratnya. Pelajar akan mendapat bantuan guru, rakan sebaya dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah pembelajaran. Jadi, sikap pelajar terhadap persepsi sendiri sangatlah penting. Para pelajar harus mengubah sikap mereka sendiri. Mereka perlu menghapuskan sikap ego untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Mereka perlu ubah fikiran dan perlu mencari inisiatif untuk memajukan diri sendiri. Mereka perlu rajin bertanya jika tidak memahami pelajaran yang diajar. Mereka juga perlu rajin menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Untuk mencapai kejayaan yang diimpikan, ia adalah hasil daripada usaha pelajar yang bersungguh-sungguh. Pelajar perlu bijak menguruskan masa dan berdisiplin. Dengan ini pelajar berkemungkinan besar akan berjaya jika mempraktikkan saranan-saranannya. Pihak sekolah harus menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan menyelesaikan kesemua masalah akademik pelajar secara serius. Guru harus memainkan peranan penting dalam menentukan cara pengajaran yang sesuai yang harus digunakan di dalam kelas. Guru boleh menarik perhatian membuat perbincangan secara terbuka di antara pelajar semasa proses pengajaran di dalam kelas. Guru harus mempelbagaikan teknik pengajaran yang menjurus kepada penyelesaian masalah

pembelajaran. Guru juga boleh membahagikan pelajar kepada kumpulan-kumpulan belajar yang kecil sebagai suatu kaedah yang boleh digunakan untuk memastikan pelajar memahami dengan mendalam isi pelajaran yang disampaikan. Di dalam pembelajaran secara berkumpulan pelajar akan dapat cara belajar yang berbeza-beza daripada sebelum ini kerana mereka mempunyai ruang untuk mengeluarkan idea-idea. Dengan cara ini pelajar dapat meningkatkan kemahiran pemikiran dalam pembelajaran.

Peranan guru harus berfokus sejak dari sekolah rendah lagi. Kualiti keputusan peperiksaan-peperiksaan awam di Malaysia bergantung pada pencapaian UPSR lagi. Sekiranya pelajar dari sekolah rendah lagi tidak menampakkan kualiti kecemerlangan dalam keputusan peperiksaan, sudah tentu keputusan seterusnya, iaitu PMR, SPM dan STPM tidak akan membuahkan hasilnya.

Dalam pada itu, peranan ibu bapa pelajar juga dianggap penting. Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam mendidik anak untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Dorongan dan bimbingan daripada ibu bapa dapat menaikkan semangat pelajar untuk rajin dalam menimba ilmu pengetahuan. Ibu bapa seharusnya memantau gerak kerja anak. Ini untuk mengelakkan anak daripada terpesong akidah. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sahsiah anak mereka. Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk memberi didikan yang sempurna kepada anak mereka, dan perlu rajin memeriksa tugas anak mereka di sekolah. Dengan ini anak akan terus rajin dalam mengulangkaji pelajaran dan dalam menyiapkan kesemua tugas yang diberikan oleh guru. Ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak supaya masa depan mereka lebih terjamin. Ibu bapa merupakan insan yang terdekat bagi anak apabila mereka berada di rumah. Cara mendidik mereka merupakan perkara yang perlu diambil kira. Semangat cintakan ilmu perlu dipupuk sejak kecil dan apabila anak meningkat dewasa mereka telah mengetahui tentang kepentingan ilmu pengetahuan. Ibu bapa juga seharusnya perlu mengambil berat soal pendidikan anak terutamanya anak lelaki kerana mereka lebih terdedah dengan hal-hal yang tidak berunsur akademik.

Langkah bagi mengatasi masalah pelajar lelaki atau pelajar perempuan yang bermasalah sebenarnya harus dilakukan oleh pelajar itu sendiri. Pelajar perempuan atau lelaki memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan prestasi diri sendiri. Cara yang terbaik untuk mengulangkaji pelajaran ialah membuat jadual waktu belajar yang bijak. Dengan ini, mereka lebih teratur dalam membuat kerja-kerja seharian. Dengan syarat, mereka perlu mengikuti jadual waktu tanpa sebarang masalah dan gangguan. Dengan adanya jadual waktu, para pelajar akan berdisiplin di dalam aktiviti seharian atau

aktiviti yang melibatkan pelajaran. Para pelajar akan belajar mengurus masa dengan bijak. Mereka akan cuba untuk memperbaiki diri sendiri dan dapat memperbetulkan kesilapan dan kesalahan yang telah mereka buat di sepanjang proses mengulangkaji yang dilakukan.

Pihak sekolah boleh mengadakan kem motivasi dan memberi galakan kepada para pelajar untuk terus menimba ilmu pengetahuan. Ini dapat memotivasikan mereka, dapat mengadakan kajian tentang mereka, dapat memberikan galakan untuk mencapai keputusan yang cemerlang, dapat mengadakan kelas tambahan dan tuisyen, memberikan perhatian terhadap pelajar lelaki dan sebagainya. Kem motivasi amat berguna untuk meningkatkan prestasi para pelajar disamping dapat membimbing mereka dari semasa ke semasa. Bimbingan yang berterusan akan dapat membantu guru dan ibu bapa mengetahui masalah yang di hadapi serta membantu pelajar melalui sesi bimbingan dan kaunseling. Langkah ini, dapat membantu mereka yang tidak berupaya untuk melawan masalah yang dihadapinya. Kaedah motivasi dan ceramah juga mampu menaikkan semangat pelajar untuk belajar. Kem mata pelajaran seperti Matematik, Sains Tulen, Bahasa Inggeris dan sebagainya wajar dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Dengan ini, pelajar akan terus berminat untuk belajar dan menambahkan ilmu pengetahuan dan dapat menaikkan minat supaya dapat menandingi prestasi dalam subjek-subjek seperti Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan sebagainya. Di samping mengurangkan kes kegagalan pelajar dalam subjek-subjek tertentu. Kelas tambahan perlu dianjurkan supaya pelajar berjaya memperoleh keputusan yang baik.

## **KESIMPULAN**

Apabila memperkatakan tentang isu gender dalam pendidikan, sudah tergambar di fikiran tentang tahap pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan. Menurut analisis karangan-karangan yang dilakukan, banyak faktor yang menyebabkan ketidaksamaan gender berlaku dalam bidang akademik. Semua pihak perlu berganding bahu memainkan peranan dalam menangani isu pencapaian akademik. Secara keseluruhan banyak faktor yang menyumbang terhadap kegagalan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Jadi, guru harus berperanan memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran. Tanggapan guru pada pelajar lelaki ialah pelajar lelaki memang bermasalah. Guru harus mengikis tanggapan negatif terhadap pelajar lelaki.

Ibu bapa juga seharusnya lebih prihatin tentang anak lelaki untuk menentukan kecemerlangan akademik. Ibu bapa harus menawan hati anak lelaki dengan sentiasa memberi nasihat dan tunjuk ajar semasa mereka menempuh alam remaja yang penuh

dengan konflik jiwa. Walaupun mereka dianggap sudah besar apabila memasuki sekolah menengah, namun pada hakikatnya, pada ketika inilah segala yang baru bermula dalam hidup. Pengawasan dan kasih sayang daripada ibu bapa amat diperlukan.

Kerajaan juga harus memberi perhatian yang serius tentang ketidaksamaan gender dari segi akademik. Sekiranya golongan lelaki kurang menonjol dalam soal akademik, bagaimana mereka akan memimpin golongan wanita yang ingin sama-sama menyahut cabaran tersebut. Semasa di alam persekolahan inilah, keyakinan diri perlu digilap supaya dapat merealisasikan hasrat semua pihak yang inginkan kemajuan seperti negara-negara Barat.

Isu gender dalam pendidikan memerlukan perhatian daripada semua pihak tidak kira bangsa, budaya dan agama. Sebenarnya isu gender dalam pendidikan tidak akan menjadi masalah sekiranya pelajar sedar tentang tanggungjawab menimba ilmu pengetahuan secara serius sebagai suatu amanah yang harus dipikul untuk mencapai Wawasan 2020 kelak.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Abu Bakar, 1993. "Satu Kajian Terhadap Ciri-Ciri Pengajaran Guru yang Berkesan Melalui Analisis Hermeneutik." Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. (belum diterbitkan).
- Coley, R., 2001. *Differences in The Gender Gap: Comparisons Across Racial/Ethnic Groups in Education and Work*. Princeton: Educational Testing Service.
- DeZolt, D. M., & Hull, S. H. 2001. "Classroom and School Climate". dlm J. Warrell (peng.), *Encyclopedia of Women and Gender*. San Diego: Academic Press.
- Eisenberg, N., Martin, C. L., & Fabes, R. A, 1996. "Gender Development and Gender Effects". dlm. D. C. Berliner & R. C. Calfee (Peng.), *Handbook of Educational Psychology*. New York: Macmillan.
- Gadamer, H. G, 1989. *Truth and Method*. (2<sup>nd</sup> ed.)(J. Weinshaner & D. G. Marshall, Trans.). London: Sheed & Ward.
- Gumbang AK Pura, 1998. Satu Kajian Tentang Pola Interaksi di Antara Guru-Guru Kaunseling dengan Klien Mereka di Tiga Buah Sekolah Menengah Kerajaan di Daerah Limbang Sarawak Dengan Menggunakan Analisis Hermeneutik, Tesis Sarjana Pendidikan, USM (Tanpa terbit).
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lahey, B. B., 2009. *Psychology: An Introduction*. New York: McGraw-Hill Co.
- Linn, M. C., & Hyde, J. S., 1989. Gender, Mathematics, and Science. dlm *Educational Researcher*, 18.

- Llyod, B. dan Duveen, G., 1992. *Gender Identities and Education: The Impact of Starting School*. Hertfordshire: Harvester Wheatsheaf.
- Love, J. G., 1994. The Hermeneutics of Transcript Analysis, Dlm *The Qualitative Report*, Vo. 2. No.1.
- Mangaleswaran, A., 1999. *Satu Kajian Mengatasi Merokok dengan Bantuan Analisis Hermeneutik*, Tesis Sarjana Pendidikan, USM (Belum diterbitkan).
- Md. Salleh Yaapar, 1995. *Mistisisme dan Puisi: Pembacaan Hermeneutik Puisi-Puisi Amir Hamzah*, Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Md. Salleh Yaapar, 2002. *Ziarah Ke Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suppiah, N., 1997. *Imageri dalam Esei: Kajian Hermeneutik Esei-Esei Terpilih Sekolah Menengah Atas*". Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. (Belum diterbitkan).
- Weinsheimer, J., 1991. *Philosophical Hermeneutics and Literary Theory*. Yale University Press.